

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 Mei 2006

SOALAN

YB Dato' Rhina Bhar minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sehingga tarikh meminda Artikel 8 di dalam Perlembagaan Malaysia untuk memberi kuasa yang sama (equal rights) kepada kaum wanita, adakah semua undang-undang yang mendiskriminasikan wanita dibatalkan dan sila namakan undang-undang yang belum dibatalkan lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Kerajaan sememangnya memberi penekanan kepada aspek perundangan bagi menjaga kebajikan dan kepentingan wanita serta melindungi mereka daripada diskriminasi. Berikutan daripada pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pada Ogos 2001 dengan memasukkan perkataan "gender" untuk menjamin supaya tiada sebarang diskriminasi berasaskan gender, beberapa pindaan dan peraturan telah dibuat seperti berikut: (i) pindaan ke atas Peraturan Imigresen bagi membolehkan lelaki asing yang berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka setahun sekali dan wanita asing yang dicerai atau tinggal berasingan dengan suami warganegara Malaysia boleh memohon pas lawatan secara tahunan berkuat kuasa mulai 1 September 2001; (ii) pindaan ke atas Akta Pencen 1980 bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat pencen terbitan, mulai tahun 2002. Selari dengan itu, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 juga telah dipinda pada tahun 2005 bagi membolehkan bayaran pencen kepada balu/duda yang telah berkahwin semula dikekalkan; (iii) pindaan ke atas Akta Tanah (Kawasan Penempatan), 1960 pada tahun 2002 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka yang memasuki tanah rancangan dan bersama-sama mengusahakan ladang menjadi pemilik bersama tanah berkelompok; dan (iv) pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1997 (Pindaan 2003) pada tahun 2003 bagi memberi pilihan kepada wanita yang berkahwin untuk membuat penilaian cukai yang berasingan daripada suami. Tuan Yang Di Pertua, Kerajaan menyedari bahawa masih terdapat beberapa lagi undang-undang yang perlu dikaji semula. Sehubungan itu, langkah berterusan untuk meneliti dan menyemak undang-undang akan diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama lain-lain agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi memastikan undang-undang yang terdapat di negara ini tidak mempunyai unsur mendiskriminasikan wanita dan menjamin hak wanita di sisi undang-undang terus dipelihara. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, antara undang-undang yang sedang dikaji oleh pihak Kementerian adalah seperti berikut: i) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994; ii) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 Akta 164; iii) Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (berkaitan dengan gangguan seksual di tempat kerja); iv) Undang-undang berkaitan jenayah seksual, v) Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2005. Jawapan Disediakan Oleh:- 1). Nama : Cik Zuraidah Amiruddin 2) Jawatan : Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Wanita Keluarga 3). Bahagian : Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat 4). No. Tel. : 03-26930095 ext. 4025 Jawapan Disemak Oleh:- 1). Nama : Puan Margaret Ho Poh Yeok 2) Jawatan : Setiausaha Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1). Nama : Encik Abas Abdul Rahman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) MAKLUMAT TAMBAHAN i) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 • Akta ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya. • KPWKM sedang dalam tindakan untuk meminda undang-undang ini. Satu mesyuarat antara agensi telah diadakan pada 27 April 2006 bagi membincangkan cadangan pindaan. Pindaan yang telah dipersetujui akan dikemukakan kepada Bahagian Penggubalan, JPM untuk tindakan selanjutnya. Antara cadangan pindaan adalah berkaitan dengan: - memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga supaya mangsa boleh mendapat perlindungan sewajarnya; dan - berhubung dengan permohonan isu Perintah Perlindungan atau Interim Protection Order (IPO) secara Ex-Parte; dan ii) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 Akta 164 • Akta ini bertujuan untuk mewujudkan keseragaman dalam undang-undang berhubung dengan perkahwinan, penceraian dan hal-hal terhadap orang bukan Islam di Malaysia. Akta ini menggalakkan proses pendamaian bagi menjamin keutuhan institusi keluarga. Seksyen 55 memperuntukkan bahawa seseorang yang telah mengambil keputusan untuk bercerai haruslah terlebih dahulu mendapat pertolongan atau nasihat daripada mana-mana orang atau badan-badan tertentu berhubung dengan masalah dan kesulitan dalam rumah tangga sebelum suatu petisyen diserahkan kepada Mahkamah. Proses pendamaian ini adalah penting bagi mengurangkan kesan negatif dari segi kewangan, sosial dan psikologi ke atas pihak yang terbabit khususnya kanak-kanak. • Seksyen 106 memperuntukkan bahawa

seseorang yang ingin membuat suatu petisyen perceraian di Mahkamah haruslah terlebih dahulu merujuk kepada suatu badan pendamai seperti tribunal perkahwinan. Oleh yang demikian, badan pendamai perlu dianggotai oleh individu yang mempunyai kepakaran untuk membantu pasangan yang menghadapi kesulitan rumah tangga. Pertimbangan yang sewajarnya perlu diberikan oleh badan pendamai dalam membuat keputusan bagi memastikan kepentingan setiap pihak yang terlibat diambil kira.

- Akta ini sedang disemak oleh Jawatankuasa Ad Hoc di bawah Jabatan Peguam Negara untuk penambahbaikan undang-undang tersebut dengan mengambil kira antaranya peruntukan perkhidmatan pengantaraan dan kaunseling.
- Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 6 Oktober 2004 telah bersetuju dengan perkara-perkara seperti berikut:
 - supaya pindaan dibuat ke atas Akta Kerja 1955 untuk memasukkan peruntukan bagi menangani gangguan seksual;
 - supaya dipinda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 untuk memasukkan perlindungan daripada gangguan seksual dalam perjanjian bersama antara majikan dan pekerja; dan
 - supaya diperluaskan takrifan keselamatan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 untuk merangkumi kecederaan bukan fizikal dan memperluaskan kebajikan pekerja bagi menangani kes gangguan seksual.
- Kementerian Sumber Manusia dalam tindakan untuk membuat pindaan ke atas akta-akta tersebut.

iii) Undang-undang berkaitan jenayah seksual (Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah)

- Untuk menangani kejadian jenayah seksual, Kerajaan mengambil tindakan mengkaji semula undang-undang sedia ada khususnya yang melibatkan keganasan seksual terhadap wanita.

Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang ditubuhkan pada 20 Julai 2004, sedang membuat kajian semula ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah bagi meningkatkan hukuman ke atas pesalah yang melakukan kesalahan berkaitan jenayah seksual seperti rogol dan rogol mahram (incest).

iv) Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2005

- Butiran mengenai cadangan pindaan ke atas seksyen-seksyen dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam yang menimbulkan pertikaian adalah seperti di Lampiran I.

LAMPIRAN 1 CADANGAN PINDAAN KEPADA AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) (PINDAAN) 2006 LATAR BELAKANG 1.

Pada 11 Januari 2006, Jemaah Menteri bersetuju supaya Jabatan Peguam Negara (JPN) mengkaji semula Rang Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pindaan) 2005 (RUUKI WP). Y. Bhg. Tan Sri Peguam Negara telah mempengerusikan Mesyuarat Komuniti Syariah Bagi Membincangkan RUUKI WP di mana KPWKM turut menjadi ahli mesyuarat tersebut.

2. Mesyuarat Komuniti Syariah di bawah JPN adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan pelbagai pihak iaitu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita, NGO berasaskan agama, para ulama', pakar dalam Undang-undang Keluarga Islam dan pengamal undang-undang syarie. Berdasarkan pandangan pelbagai pihak, JPN telah menggubal pindaan baru ke atas syeksyen-syeksen yang dipertikaikan.

STATUS PINDAAN AKTA 3. JPN sedang dalam peringkat mengemas kini pindaan kepada Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2006.

Dalam masa yang sama, JPN juga akan meneruskan usaha untuk meminda Akta Ibu iaitu Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) yang antaranya melibatkan peruntukan seperti muta'ah atau pemberian saguhati kepada perempuan yang diceraikan tanpa sebab yang patut.

4. Peruntukan undang-undang di dalam pindaan tersebut diperjelaskan bagi mengelakkan kekeliruan terhadap undang-undang berkenaan supaya matlamat dan tujuan baik penggubalan undang-undang berkenaan supaya matlamat dan tujuan penggubalan undang-undang tersebut diterima oleh masyarakat.

5. Pindaan kepada Akta tersebut memberikan tumpuan kepada isu-isu yang menimbulkan pertikaian dalam RUUKI WP yang antaranya adalah seperti berikut:

- Harta Sepencarian
- Harta sepencarian telah diberi definisi yang jelas supaya mudah difahami oleh orang awam bagi mengelakkan kekeliruan mengenai pentafsirannya. Takrif harta sepencarian adalah termasuk:
 - a) Harta yang diperolehi suami dan isteri melalui usaha bersama mereka semasa perkahwinan;
 - b) Harta yang diperolehi suami melalui usahanya sendiri semasa perkahwinan dengan sumbangan secara tidak langsung daripada isteri; dan
 - c) Apa-apa hasil dan nilai tambahan daripada perkembangan dan pemajuan melalui usaha sendiri pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu atau usaha bersama pihak-pihak kepada perkahwinan itu semasa perkahwinan berkenaan dengan:-
 - (i) apa-apa harta kepunyaan suami atau isteri sebelum perkahwinan;
 - (ii) apa-apa harta yang diperolehi isteri melalui usahanya sendiri semasa perkahwinan; atau
 - (iii) apa-apa hadiah, pemberian (hibah), wasiat, sedekah atau harta pusaka atau apa-apa harta lain yang diperolehi suami atau isteri sebelum atau semasa perkahwinan.
- Sebarang percanggahan pendapat mengenai harta tersebut hendaklah diputuskan mengikut Hukum Syarak.

Subseksyen 23(3) dan (4) - Isu "patut atau perlu"

untuk berpoligami • Pindaan frasa "patut atau perlu" dikatakan menjadikan poligami lebih mudah. Oleh yang demikian, frasa "patut atau perlu" telah digantikan dengan perkataan "adil" • Dengan pindaan tersebut, seseorang lelaki yang memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan kebenaran untuk mengamalkan poligami dikehendaki untuk menyatakan alasan-alasan yang berdasarkannya perkahwinan poligami yang dicadangkan itu dikatakan adil. Mahkamah boleh memberikan kebenaran itu jika ia berpuas hati bahawa perkahwinan poligami yang dicadangkan itu adil. • Lelaki itu juga dikehendaki menyampaikan suatu salinan permohonan dan akuannya berserta surat panggilan Mahkamah ke atas isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri dan mana-mana orang lain, yang pada pendapat Mahkamah, boleh memberikan maklumat berhubungan dengan perkahwinan yang dicadangkan itu. Subsyeksyen 23(9)(a) dan (b) - Memberikan hak kepada mana-mana pihak dalam perkahwinan untuk menuntut harta sepencarian apabila suami berpoligami • Pindaan kepada peruntukan ini mengambil kira pembayaran nafkah kepada isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, anak-anaknya dan juga orang tanggungannya yang lain mengikut kemampuan kewangan suami yang berpoligami. • Mahkamah juga hendaklah membuat pengisytiharan penguntukan bahagian harta sepencarian antara pihak-pihak kepada perkahwinan yang sedia ada. Seksyen 52 - Perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh • Pindaan peruntukan ini bertujuan untuk memperjelaskan hak pihak-pihak kepada sesuatu perkahwinan berhubung dengan permohonan bagi fasakh. • Isteri berhak untuk mendapatkan berhak suatu perintah untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan yang berikut: (a) tempat di mana beradanya suami telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada empat bulan atau; (b) suami telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tiga bulan; (c) suami telah - i) dihukum dengan hukuman pemenjaraan selama tempoh enam bulan atau lebih; atau ii) dibuang negeri atau dideportasi; (d) suami telah tidak menunaikan kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh empat bulan; (e) suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk; (f) isteri, setelah dikahwinkan oleh wali mujbirnya sebelum dia mencapai umur baligh, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur lapan belas tahun, dan dia belum disetubuhi oleh suaminya itu; (g) suami menganiayai isterinya, iaitu, antara lain - (i) secara lazim menyakitinya atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya; (ii) berkawan dengan perempuan yang berperangai jahat atau hidup berperangai keji mengikut panduan Hukum Syarak; (iii) cuba memaksa isteri hidup secara tidak bermoral; (iv) melupuskan harta isteri secara tidak sah di sisi undang-undang atau berlawanan dengan Hukum Syarak atau melarang isteri daripada menggunakan haknya di sisi undang-undang atau haknya di bawah Hukum Syarak terhadap harta itu; (v) menghalang isteri daripada menunaikan kewajipan atau amalan agamanya; atau (vi) jika suami mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri-isteri secara adil mengikut kehendak Hukum Syarak; (h) walaupun selepas empat bulan berlalu, isteri masih belum disetubuhi kerana suami dengan sengaja enggan menyetubuhinya; (i) isteri tidak memberi keizinan akan perkahwinan itu atau keizинannya tidak sah, sama ada oleh sebab paksaan, kesiapan, ketidaksempurnaan akal, atau apa-apa hal keadaan lain yang diiktiraf oleh Hukum Syarak; atau (j) bahawa pada masa perkahwinan itu isteri, sungguhpun berkebolehan memberi keizinan yang sah, adalah seorang yang kecelaruan mental, sama ada berterusan atau berselangan, dalam erti Ordinan Kecelaruan Mental 1952 [Ord. 31 tahun 1952] bagi Wilayah Persekutuan Labuan, dan kecelaruan mentalnya adalah daripada suatu jenis atau setakat yang menjadikannya tidak layak untuk berkahwin. • Suami adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk fasakh atas alasan bahawa isteri menjadi tidak upaya mengikut Hukum Syarak yang menghalang persetubuhan. • Suami atau isteri adalah berhak untuk mendapatkan suatu perintah untuk fasakh atas alasan isteri atau suaminya- (a) sedang menghidap penyakit mental yang tidak boleh diubati; (b) sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo; (c) sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit; atau (d) sedang menghidap apa-apa penyakit yang boleh memudaratkan kesihatan pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu; atau (e) atas apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh di bawah Hukum Syarak. • Sebelum membuat suatu perintah atas alasan suami telah mati pucuk, Mahkamah hendaklah, atas permohonan suami, membuat suatu perintah mengkehendaki suami memuaskan hati Mahkamah dalam tempoh setahun dari tarikh perintah itu bahawa dia tidak lagi mati pucuk, dan jika suami memuaskan hati Mahkamah sedemikian dalam tempoh itu, tiada suatu perintah boleh dibuat atas alasan itu. Seksyen 107 - Permohonan kepada Mahkamah untuk menahan/menegah isteri/suami daripada melupuskan harta sepencarian • Di bawah

seksyen baru 107A, sesuatu pihak kepada sesuatu perkahwinan dilarang melupuskan apa-apa harta sepencarian dengan niat untuk menghilangkan hak pihak yang satu lagi kepada perkahwinan itu ke atas harta sepencarian tersebut. • Di bawah seksyen baru 107B, seseorang suami atau isteri boleh membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan perintah injuksi yang menyekat pelupusan harta sepencarian semasa prosiding. • Dalam memberikan perintah injuksi tersebut, Mahkamah hendaklah memastikan bahawa perintah injuksi itu tidak akan menjejaskan taraf hidup dan kebajikan mana-mana pihak kepada perkahwinan itu dan mana-mana orang tanggungannya yang sedia ada. Seksyen 122 - Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian • Seksyen 122 adalah berkaitan dengan kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembahagian harta sepencarian semasa perceraian, fasakh atau kematian. Bagi kes poligami, sesuatu pihak kepada perkahwinan boleh memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan suatu perintah bagi harta sepencarian itu dibahagikan antara pihak-pihak itu atau bagi harta sepencarian itu dijual dan hasil jualannya dibahagikan antara pihak-pihak itu sekiranya menepati syarat yang dikenakan. • Seksyen ini juga menetapkan perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh Mahkamah dalam membahagikan harta sepencarian iaitu: i) takat sumbangan yang dibuat oleh setiap pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh harta sepencarian itu; ii) apa-apa hutang yang belum dijelaskan oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka; dan iii) keperluan anak-anak yang belum dewasa daripada perkahwinan itu, jika ada. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Kuala Lumpur 15 Mei 2006

